

JURNAL AKADEMIK

Abstract Of A Study Of Small And
Medium Industries In Sarawak

Dr. Ibrahim Shah
Nicholas Amin
Yap Yin
Iris Syawe Seh Ling

Malaysian Economy: Analysis Of
Performance In 1990. And Issues
Beyond

Annie Wong Muk Ngik

Juruaudit Luaran Dan Juruaudit
Dalaman: Suatu Perbezaan

Shamsul Annuar Ahamad Ibrahim

Kursus Pra Perdagangan Di ITMCS
Suatu Tinjauan Ringkas Selepas
10 Tahun

Abdullah Abdul Latib

Pentadbiran: Dari Perspektif Islam
Dan Barat

Kamis Ismail

The Implications of NVC In The
Classroom

Ng Kui Choo

Aspek-Aspek Kemiskinan Di
Kalangan Setingan - Satu
Penyelidikan Khas Di Kampung
Baru Stutong, Tabuan Jaya, Kuching

Rosita Hj. Suhaimi

Kaji Selidik Kurikulum Diploma
Sains Kesetiausahaan

Lelawati Abd. Hamid

Keusahawanan Masyarakat Malaysia-
Ke Arah Kesepaduan Inisiatif
Usahawanan Dan Insentif Kerajaan

Mohamad Khairi Ismail

ISSN 0128-263

KEUSAHAWANAN MASYARAKAT MALAYSIA – KEARAH KESEPADUAN INISIATIF USAHAWAN DAN INSENTIF KERAJAAN

MOHAMAD KHAIRI ISMAIL

Apabila kita merenungkan nasib rakyat jelata di persada tanahair, dari aspek kemajuan dan kebangunan banyak yang boleh diperkatakan.

Rata-ratanya masyarakat Malaysia adalah rajin dan bercita-cita untuk maju dan membangun. Dasar Ekonomi Baru yang berakhir sebagai contohnya telah menunjukkan peningkatan negara dari \$5.2 Billion pada awal tahun 1971 kepada \$109.8 Billion pada akhir tahun 1990.

Rakyat Malaysia bukan bumiputera telah meningkatkan keupayaan kekayaan mereka dari 32.3% (awal 1971) kepada 44.9% (hujung 1990). Manakala Rakyat Malaysia Bumiputera telah mencatatkan kebangunan yang lebih cemerlang dari 2.4% (awal 1971) kepada 20.3% (hujung 1990). Walaupun mereka kecundang mencapai angka 30% yang diharapkan, pencapaian Bumiputera amatlah mengagumkan. Entiti bukan Rakyat Malaysia telah menurun bahagian mereka di dalam agihan kekayaan negara dari 65.3% (awal 1971) kepada 33.5% (hujung 1990).¹

Pada hemat saya ini adalah bukti yang kukuh akan wujudnya kerjasama yang erat di antara rakyat dan kerajaan di dalam mencapai kemajuan dan kebangunan nasional. Memang kerjasama ini dapat dipupukcratkan lagi dengan kecanggihan penyebaran maklumat dua hala dan keprihatinan yang lebih tulus tentang nasib rakyat dan kecenderungan sikap dan budaya positif dan inisiatif keusahawanan dikalangan rakyat di berbagai peringkat.

Inisiatif keusahawanan ini adalah saya kira satu faktor penting bagi menggiatkan lagi kemajuan perekonomian negara, di mana peniaga dan usahawan mengambil langkah pertama kearah mewujudkan idea, memecahkan sesuatu permasalahan dan mengambil langkah-langkah perlu merebut peluang yang terhasil darinya.

Namun begitu ada kalanya kebalikan dari pepatah "If there is a will there is a way" berlaku: yakni "If there is a way, there is a will". Maksudnya kalau ada jalan dan pertolongan maka rakyat akan lebih bertenaga berusaha memajukan negara.

Maka dari itu saya cuba menyingkap beberapa jenis pertolongan yang disediakan oleh kerajaan bagi maksud ini. Namun perlu sentiasa diingat insentif dan pertolongan ini hanyalah bersifat sementara.

Usaha-usaha kerajaan bagi membantu golongan usahawan di negara ini banyak. Diantaranya termasuklah

1. Penubuhan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) pada awal 1988 yang telah berjaya menyelamatkan hampir 1,000 buah firma bumiputera yang masih berpotensi.
2. Kementerian Perusahaan Awam telah menetapkan pengujudan masyarakat usahawan berkualiti sebagai matlamat utamanya.² Schubungan dengan itu menterinya menjanjikan pembinaan "Dataran

Usahawan Negara" (DUN) di Kuala Lumpur pada tahun 1991 ini.³ DUN itu akan menjadi tempat mempamerkan pelbagai barangan buatan usahawan, serta menjadi pusat menyalurkan maklumat kegiatan usahawan negara.

3. Menubuhkan Tabung amanah kontraktor bagi menyediakan tambahan pinjaman/kredit bagi usahawan bumiputera yang masih kecil. Ia juga menyediakan latihan keusahawanan dan memperkenalkan bayaran secara "factoring".
4. a) Penubuhan pasar-pasar tani oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi membolehkan dan menggalakkan petani-petani menjual hasil pertanian/ternakan mereka sendiri. Di Selangor sahaja ada 19 buah pasar sedemikian pada tahun 1990 dengan kira-kira 500 orang usahawan.⁴
 - b) Pasar-pasar tani borong juga telah dilancarkan bagi melicinkan lagi pergerakan pemasaran barangan pertanian/ternakan petani negara.
5. Lembaga Pembangunan Industri Luar Bandar (RIDA) adalah satu-satunya agensi kerajaan pada dasawarsa 1960'an yang sedikit sebanyak bertanggungjawab terhadap usahawan yang terbabit dengan Industri Skel Kecil (ISK).⁵ RIDA menolong usahawan dengan memberi latihan tertentu serta memasarkan hasil industri luar bandar.
6. Di dalam dasawarsa 70'an, dengan bermulanya Dasar Ekonomi Baru (DEB), keusahawanan di kalangan ahli masyarakat terutamanya dari kaum bumiputera menjadi lebih aktif. Bagaimanapun perkembangan mereka terhalang akibat kelemahan perancangan, pembekalan bahan mentah, pengetahuan dan pengalaman teknik yang terhad, pemasaran yang tak canggih, soal mendapatkan modal dan lain-lainnya. Kerajaan bertindak membantu dengan mengarahkan beberapa buah agensinya menubuhkan unit-unit khas perunding dan nasihat. Agensi-agensi ini termasuklah MARA, Malaysian Industrial Development Finance (MIDF), SIRIM, dan PDPN.
7. Bagi maksud menjamin pinjaman-pinjaman kepada syarikat-syarikat kecil, Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) telah pula ditubuhkan pada tahun 1972.
8. Bagi membantu usahawan di bidang pertukangan tradisional, Lembaga Kraftangan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1976. Sekarang dikenali sebagai Perbadanan Kraftangan Malaysia bagi melatih, membekal bahan-bahan mentah separa-proses, jentera-jentera ringan dan perkakas, serta membantu pemasarannya.
9. Dari segi bantuan kewangan, MARA, Bank Pembangunan (ditubuhkan pada tahun 1973) dan MIDF telah memberikan pinjaman kepada yang layak. Manakala CGC telah menjamin lebih 35,000 pinjaman di dalam tiga tahun pertama kewujudannya bernilai lebih \$300 juta.⁶
10. Bangunan-bangunan kilang disediakan oleh MIEL (anak syarikat MIDF) bagi usahawan ISK dan ISS. Dalam tempoh 1971-5 sebanyak 250 buah kilang dengan kos \$14 juta telah dibina.

11. Bahagian Perusahaan Kecil (BPK) telah ditubuhkan pada tahun 1981 di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi menyelaraskan hal ehwal usahawan ISK vis-a-vis agensi-agensi kerajaan. Pada tahun yang sama Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menubuhkan Bahagian Industri Kecil (BIK)
12. Akta Galakan Pelaburan 1986 menetapkan tempoh pengecualian cukai selama 5 tahun tanpa mengira saiz pelaburan (sebelumnya pelaburan kurang dari \$25,000 hanya mendapat 2 tahun pengecualian). Akta ini adalah bagi mengeluarkan barangan dan melibatkan diri dalam kegiatan yang digalakkan.
13. Rancangan Perbandingan Antara Firma⁷ telah dimulakan pada tahun 1985 bagi mengutip dan membanding-bezakan data keuntungan, kos dan pulangan diantara usahawan. UPM dan PDPN telah membantu melaksanakannya.
4. a) Dari segi pemasaran kerajaan telah memperkenalkan Skim Pemasaran bersepadu (konsep payung) yang berusaha meluaskan pasaran bagi keluaran usahawan kecil bumiputera. Pemas Edar Sdn. Bhd. adalah satu contoh pelaksana skim ini.⁸

Disamping itu Skim Kontrak Kecil diperkenalkan bagi menggalakkan permintaan dan penggunaan hasil keluaran usahawan ISK untuk usahawan ISS, serta melicinkan kerja sub-kontrak dari syarikat-syarikat besar/jabatan kerajaan kepada usahawan kecil. Sehubungan dengan ini BIK menubuhkan Pusat pertukaran Sub-kontrak pada tahun 1986.

ecara amnya para usahawan Malaysia bolehlah mendapatkan bantuan-bantuan berikut:-

1. Khidmat Nasihat

1. MEDEC, ITM
2. Bahagian Pembangunan Usahawan MARA
3. Perbadanan Pembangunan Kraftangan Malaysia
4. MIDF Industrial Consultants
5. Pusat Daya Pengeluaran Negara
6. Khidmat tekno-ekonomi, nasihat dan perundingan SIRIM

2. Latihan

1. MEDEC, ITM
2. Institut Bimbingan Usahawan, MARA
3. Perbadanan Usahawan Bumiputera (diumumkan oleh YB Dato' Sri Anwar Ibrahim pada 20/6/91)
4. PDPN
5. Pusat Memodenkan Perniagaan

3. Kewangan

1. Amanah Ikhtiar Malaysia (YPEIM)
2. Skim Jaminan Kredit CGC
3. Bank Pertanian Malaysia

4. MARA
5. Pinjaman Khas Bank Bumiputera
6. Pinjaman Perniagaan Kecil Malayan Banking
7. MIDF

D. Lain-lain

1. MIEL – Bangunan Kilang/perindustrian
2. SIRIM – Teknikal
3. FAMA – Pasar Tani – (Pemasaran)
4. Karyaneka – Latihan & Pemasaran

Insentif-insentif dan pertolongan kerajaan di atas disamping harus dipandang sebagai bersifat sementara tetapi wajib digabungkan dengan Inisiatif usahawan sendiri ke arah jayadiri dan menyumbang kepada pengkayaan negara.

Inisiatif ini boleh dicetuskan dipelbagai peringkat dari penyediaan sikap yang positif dan proaktif kepada pemikiran yang kritis lagi kreatif dan berinovatif; serta menjalankan kerjanya secara bijaksana dan bijaksana tanpa menghiraukan penat jerih.

Saya percaya para usahawan Bumiputera khususnya, dan masyarakat usahawan Malaysia amnya jika dapat mewujudkan simbiosis di atas akan dapat menyerlah satu budaya berusahawan yang bermakna lagi produktif yang akhirnya akan mencerahkan dasawarsa 1990'an bagi tanahair tercinta ini.

Kesepaduan Inisiatif Usahawan dan Insentif kerajaan ini diharapkan akhirnya mewujudkan keadaan di mana kerajaan tidak perlu menyediakan banyak insentif dan pertolongan.¹⁰ Ini adalah scenario yang boleh berlaku dengan terbentuknya masyarakat usahawan Malaysia yang canggih dan anggun. Masyarakat sedemikian akan wujud bergantung kepada daya tahan dan daya juang usahawan-usahawan itu sendiri. Asalkan mereka terus rajin berusaha dengan gigih dan bijaksana serta sentiasa bercita-cita memaju dan membangunkan masyarakat itu sendiri – nasib rakyat jelata di persada tanahair akan terbela walaupun dengan peranan kerajaan yang minima.

BIBLIOGRAFI

- 1 "Dataran Khas Untuk Usahawan." **Berita Harian** 4 Januari 1991
- 2 Mohamed, Dato' Seri Dr. Mahathir.
Draf Ucapan Wawasan 2020, 1991
- 3 Mohd. Salleh, Ismail, Ed.
Industri-Industri Kecil, Kuala Lumpur:
AMK Interaksi, 1989
- 4 "Pasir Tani Kutip Hasil \$15 juta." **Berita Harian** 22 Januari 1991
- 5 Sarawak Tribune, 18 June 1991
- 6 "Usaha Wujud Usahawan Berkualiti" **Berita Harian** 16 November 1990

NOTA

1. Angka-angka di atas yang telah diolah semula oleh penulis adalah dari, Sarawak Tribune, 18 Jun 1991.
2. "Usaha wujud usahawan berkualiti," **Berita Harian**, 16/11/90.
3. "Datasan khas untuk usahawan," Ibid, 4 Januari 1991.
4. "Pasar tani kutip hasil \$15 juta" **Berita Harian**, 22 Januari 1991.
5. **MIDA** mendefinisikan **ISK** sebagai industri yang mempunyai 50-99 orang pekerja manakala **CGC** pula menetapkan firma yang mempunyai modal berbayar dan rezab tidak melebihi \$100,000.
6. Diolah dari – **Industri-Industri Kecil**, Ed. Ismail Mohd. Salleh (Kuala Lumpur: AMK Interaksi, 1989), hal. 28.
7. Dipetik dari – **Industri-Industri Kecil**, Ed: Ismail Mohd. Salleh; (Kuala Lumpur: AMK Interaksi, 1989), hal. 39.
8. Ibid. hal. 40.
9. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menekankan soal masyarakat Malaysia Malaysia sebagai kemakmuran di dalam Wawasan 2020 Malaysia.
10. Peranan kerajaan yang dikurangkan diantara Matlamat RM5 dan RM6 dan khasnya dasar penswastaaan.